



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH DI KUALA KANGSAR TERHADAP KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN PELAKSANAAN PENGAJARAN ABAD KE-21



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SITI HAZLINI BINTI HARIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH DI KUALA
KANGSAR TERHADAP KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN
PELAKSANAAN PENGAJARAN ABAD KE-21**

SITI HAZLINI BINTI HARIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 6 APRIL 2021

Student' Declaration:

Saya, SITI HAZLINI BINTI HARIS, M20181000819 FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH DI KUALA KANGSAR TERHADAP KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN PELAKSANAAN PENGAJARAN ABAD KE-21 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH DI KUALA KANGSAR TERHADAP KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN PELAKSANAAN PENGAJARAN ABAD KE-21 dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PENDDIDIKAN ISLAM).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH DI KUALA
KANGSAR TERHADAP KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN
PELAKSANAAN PENGAJARAN ABAD KE-21

No. Matrik / Matric's No.:

M20181000819

Saya / I:

SITI HAZLINI BINTI HARIS

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh:

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah kerana diberi nikmat kesihatan, ilham dan iltizam serta diper mudahkan segala urusan dalam menyiapkan kajian ini. Jutaan penghargaan dan terimakasih yang tidak terhingga terutama kepada pensyarah penyelia, Dr. Norhisham Bin Muhamad yang banyak membimbang, memberi bantuan serta nasihat. Segala aspirasi dan motivasi yang diberikan amat bermakna untuk saya menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah Pendidikan Islam di Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI yang banyak memberikan saya peluang untuk menimba banyak ilmu pengetahuan daripada kalian. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan Kementerian Pendidikan Malaysia yang menaja penuh pengajian saya ini. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih kepada panel yang sudi menjadi pakar dalam mengesahkan instrumen soal selidik saya. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pengarah Pendidikan Daerah Kuala Kangsar dan Guru Besar sekolah yang terlibat kerana membuka ruang bagi saya menjalankan kajian ini. Tidak ketinggalan juga kepada semua peserta kajian iaitu guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Daerah Kuala Kangsar yang sudi bekerjasama dan relahati untuk menyumbang dalam proses perolehan data.

Ucapan terima kasih teristimewa untuk suami tercinta, Muhammad Farid Wardi Bin Md Saad yang sentiasa memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi, serta anak-anak tersayang, Nuh Abid, Luth Addin dan Dhia Khadeeja yang sentiasa memahami. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih buat ibu mertua, Hjh. Asmah Binti Mohamad yang turut menjadi tulang belakang sepanjang pengajian ini. Al-fatihah untuk ayahanda mertua Allayaharham Tn. Hj. Md Saad Bin Awang yang tidak sempat melihat kejayaan ini. Dedikasi khas untuk ayahanda dan bonda yang telah terlebih dahulu dijemput ke Rahmatullah, Allayaharham En. Haris Bin Saidin dan Allayaharhamah Pn. Zainab Binti Shamsu, semangat kalian akan tetap tersemat di hati. Al-Fatihah. Kalian semua adalah sumber inspirasi dan motivasi dalam proses pembelajaran ini. Buat semua adik beradik dan ahli keluarga yang lain, terima kasih kerana selalu mendoakan kejayaan bagi saya menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang bakti sehingga terhasilnya kajian ini. Hanya Allah yang dapat membala segala budi baik kalian dan semoga kita semua berada dalam redha Allah. Amin ya Rab-Al Alamin.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Daerah Kuala Kangsar terhadap kefahaman dan kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke-21 serta hubungan di antara persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kefahaman dan kesediaan dalam pelaksanaan pengajaran abad ke-21. Pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel secara rawak mudah melibatkan 140 orang responden di sekolah rendah Daerah Kuala Kangsar. Data dikumpul melalui soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif melibatkan skor min, sisihan piawai, frekuensi dan peratus manakala statistik inferensi pula melibatkan ujian korelasi Pearson yang menerangkan hubungan di antara persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kefahaman dengan kesediaan dalam pelaksanaan pengajaran abad ke-21. Data yang dikumpul dianalisis mengikut tiga konstruk iaitu konsep pengajaran abad 21, ciri-ciri pengajaran abad ke-21 dan peranan guru dalam pengajaran abad 21. Hasil dapatan keseluruhan menunjukkan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kefahaman pelaksanaan pengajaran abad 21 berada pada tahap tinggi dengan nilai ($\text{min}=3.7$). Data yang dikumpul bagi pemboleh ubah persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kesediaan pelaksanaan pengajaran abad 21 juga dianalisis mengikut tiga konstruk iaitu menguasai kandungan kurikulum, kemahiran pedagogi abad 21 dan sikap guru terhadap perubahan. Dapatan keseluruhan menunjukkan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke-21 juga berada pada tahap yang tinggi dengan nilai ($\text{min}=3.8$). Analisis inferensi pula menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang kuat di antara persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kefahaman dengan persepsi terhadap kesediaan dalam pelaksanaan pengajaran abad 21 dengan nilai, ($r=0.794$, $p=0.000$). Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Kuala Kangsar bersetuju bahawa mereka faham dan bersedia untuk melaksanakan pengajaran abad ke-21 sebagai pendekatan terkini dalam sistem pendidikan. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pihak berwajib khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia perlu prihatin terhadap dapatan yang dihasilkan agar guru Pendidikan Islam turut dapat memberi sumbangan kepada pendidikan negara.





THE LEVEL OF UNDERSTANDING AND READINESS OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN KUALA KANGSAR FOR THE IMPLEMENTATION OF 21ST CENTURY LEARNING

ABSTRACT

This study aims to identify the perceptions of primary school Islamic Education teachers in Kuala Kangsar on understanding and readiness in the implementation of 21st century teaching as well as the relationship between Islamic Education Teachers perceptions on understanding and readiness in the implementation of 21st century teaching. A quantitative approach with survey methods was used in this study. Simple random sample selection involved 140 respondents in Kuala Kangsar primary schools. Data were collected through questionnaires and analyzed using descriptive and inferential analysis. Descriptive statistics involve mean scores, standard deviations, frequencies and percentages while inference statistics involve Pearson correlation tests that explain the relationship between Islamic Education teachers' perceptions of comprehension and readiness in the implementation of 21st century teaching. The data collected were analyzed according to three constructs, namely 21st century teaching concepts, 21st century teaching characteristics and the role of teachers in 21st century teaching. The overall findings show that Islamic Education teachers' perceptions of 21st century teaching implementation are at a high level with values (mean = 3.7). Data collected for the variables of Islamic Education teachers' perceptions on the readiness to implement 21st century teaching is also analyzed according to three constructs, namely mastering curriculum content, 21st century pedagogical skills and teachers' attitudes towards change. The overall findings show that the perceptions of Islamic Education teachers on the readiness of the implementation of 21st century teaching are also at a high level with values (mean = 3.8). Inference analysis also shows that there is a significant relationship between Islamic Education teachers' perceptions of understanding and perceptions of readiness in the implementation of 21st century teaching with values, ($r = 0.794$, $p = 0.000$). In conclusion, the findings of the study show that primary school Islamic Education teachers in Kuala Kangsar agree that they understand and are ready to implement 21st century teaching as the latest approach in the education system. The implications of this study show that the authorities, especially the Ministry Of Education, need to be concerned about the findings produced so that Islamic Education teachers can also contribute to national education.





ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kerangka Teori Kajian	10
1.8 Kerangka Konsep Kajian	13
1.9 Definisi Operasional	16
1.9.1 Persepsi	16





1.9.2	Kefahaman	16
1.9.3	Kesediaan	17
1.9.4	Konsep Pengajaran Abad 21	17
1.9.5	Ciri-ciri Pengajaran Abad 21	18
1.9.6	Peranan Guru	18
1.9.7	Menguasai Kandungan kurikulum	18
1.9.8	Kemahiran Pedagogi Abad 21	19
1.9.9	Sikap Guru Terhadap Perubahan	19
1.10	Batasan Kajian	20
1.11	Kepentingan Kajian	21
1.11.1	Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia	21
1.11.2	Guru-guru Pendidikan Islam di sekolah	22
1.11.3	Murid sekolah rendah yang beragama Islam	22
1.11.4	Ibu bapa, guru-guru dan pemimpin masyarakat	22
1.12	Kesimpulan	23
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	24
2.1	Pendahuluan	24
2.2	Pengajaran Abad ke-21 di Malaysia	25
2.2.1	Konsep Pengajaran Abad ke-21	26
2.2.2	Ciri-ciri Pengajaran Abad ke-21	27
2.2.3	Peranan Guru Dalam Pengajaran Abad 21	32
2.2.4	Menguasai kandungan Kurikulum	36
2.2.5	Kemahiran Pedagogi Abad ke-21	38
2.2.6	Sikap Guru Terhadap Perubahan	40





2.3	Persepsi Terhadap Kefahaman dan Kesediaan Guru Menurut Ibnu Khaldun	41
2.3.1	Persepsi Terhadap Kefahaman	41
2.3.2	Persepsi Terhadap Kesediaan	42
2.4	Sorotan Kajian Lepas	43
2.5	Penutup	51
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	53
3.1	Pendahuluan	53
3.2	Reka Bentuk Kajian	54
3.3	Lokasi Kajian	57
3.4	Populasi Kajian	58
3.5	Persampelan	60
3.6	Instrumen Kajian	60
3.6.1	Item Soal Selidik	61
3.6.2	Skala Jawapan Responden	64
3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	65
3.7.1	Kesahan Kandungan	66
3.7.2	Kajian Rintis	67
3.7.3	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen	68
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	69
3.9	Kaedah Analisis Data	70
3.9.1	Analisis Deskriptif	70
3.9.2	Analisis Inferensi	71
3.10	Penutup	72
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	73
4.1	Pendahuluan	73





4.2 Latar Belakang Responden	74
4.3 Persepsi Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Kefahaman Dalam Pelaksanaan Pengajaran Abad ke-21	75
4.4 Persepsi Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Kesediaan Dalam Pelaksanaan Pengajaran Abad 21	83
4.5 Hubungan Di Antara Persepsi GPI Terhadap Kefahaman Dengan Kesediaan Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Abad 21	90
4.6 Penutup	91
BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	92
5.1 Pendahuluan	92
5.2 Perbincangan	93
5.2.1 Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Kefahaman Dalam Pelaksanaan Pengajaran Abad 21	93
5.2.2 Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Kesediaan Dalam Pelaksanaan PAK 21	101
5.2.3 Hubungan Di Antara Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Kefahaman Dan Kesediaan Pelaksanaan Pengajaran Abad 21.	106
5.3 Kesimpulan Kajian	107
5.4 Implikasi Kajian	109
5.5 Cadangan	111
5.5.1 Cadangan Kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)	111
5.5.2 Pihak JPN dan PPD	112
5.5.3 Cadangan kepada guru-guru Pendidikan Islam	112
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan	115
5.7 Penutup	116
RUJUKAN	117
LAMPIRAN	127





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Bilangan sekolah rendah di Kuala Kangsar mengikut zon	57
3.2	Populasi Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Daerah Kuala Kangsar Mengikut Zon	58
3.3	Bahagian-bahagian soal selidik dan Jumlah Item	61
3.4	Item Demografi Guru	62
3.5	Item Persepsi GPI Terhadap Kefahaman.	63
3.6	Item Persepsi GPI Terhadap Kesediaan	64
3.7	Pemarkahan Item Skala Likert	65
3.8	Panel Rujukan kesahan	67
3.9	Panduan Tahap Nilai Pekali Alfa (Alpha Cronbach)	68
3.10	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Kajian Rintis	69
3.11	Data yang dinalisis dinterpretasikan mengikut skor min yang diperkenalkan oleh Landell (1997).	71
3.12	Skor min oleh Landell (1997)	71
3.13	Tafsiran Nilai Korelasi Alpha Cronbach	72
4.1	Latar Belakang Responden	75
4.2	Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Kefahaman Pelaksanaan PAK 21	76
4.3	Kekerapan Dan Peratus Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Kefahaman Tentang Konsep Pengajaran Abad 21	77





4.4	Kekerapan Dan Peratus Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Kefahaman Tentang Ciri-Ciri Pengajaran Abad 21	79
4.5	Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Kefahaman Tentang Peranan Guru Dalam Pelaksanaan Pengajaran Abad ke-21	81
4.6	Min dan Sisihan Piawai bagi Keseluruhan Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Kesediaan Menguasai Kandungan Kurikulum	83
4.7	Kekerapan dan Peratus Persepsi Guru Terhadap Kesediaan Guru Pendidikan Islam Menguasai Kandungan Kurikulum	84
4.8	Kekerapan Dan Peratus Persepsi Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Kesediaan Dalam Kemahiran Pedagogi Abad 21	85
4.9	Kekerapan Dan Peratus Persepsi Terhadap Kesediaan Guru Pendidikan Islam Dari Aspek Sikap Guru Menerima Perubahan	88
4.10	Nilai Korelasi di antara Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Kefahaman dengan Kesediaan Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Abad 21	90





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka teori Ibnu Khaldun. Adaptasi daripada Kitab Muqaddimah (1993)	13
1.2 Kerangka Konseptual Kajian. Adaptasi daripada Kitab Muqaddimah (1993)	15
2.1 Perbezaan pengajaran abad ke-20 dan abad ke-21	39
3.1 Carta alir fasa-fasa kajian	56
3.2 Pemilihan sampel guru Pendidikan Islam sekolah rendah Kuala Kangsar berdasarkan sampel rawak mudah	60





SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kandungan Pengajaran
EPRD	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPI	Guru Pendidikan Islam



IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LADAP	Latihan Dalam Perkhimatan
LCD	<i>Liquid Crystal Display</i>
PAK 21	Pengajaran Abad 21
PBD	Penilaian Bilik Darjah





PdP	Pengajaran Dan Pembelajaran
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PLC	<i>Peer Learning Coaching</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SK	Standard Kandungan
SP	Standard Pembelajaran
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>
VLE	<i>Virtual Learning Environment</i>
4K 1 N	Kolaboratif, Komunikasi, Kreatif, Kritis & Nilai Murni
3M	Menulis, Membaca, Mengira





SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada EPRD
- B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Oleh JPN Perak
- C Surat Kebenaran Menjalankan Kajian PPD Kuala Kangsar
- D Borang Soal Selidik





BAB 1

PENGENALAN



Dalam usaha memperkasakan kecemerlangan generasi anak-anak masa hadapan, suatu usaha yang holistik dan bersepada diperlukan dari semua pihak untuk membentuk modal insan yang bakal menjana kegemilangan dan kemakmuran negara. Generasi ini bakal menjelmakan negarawan Malaysia yang mampu berdaya saing seantero dunia (Mohd Azmir & Amirah Zainun, 2012). Bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan transformasi terhadap kurikulum pendidikan negara dengan memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011.



KSSR merupakan kurikulum yang sesuai untuk membawa negara ke arah negara maju di masa hadapan. Tunjang bagi KSSR ialah penekanan terhadap enam aspirasi murid iaitu melahirkan murid yang berpengetahuan, mampu berfikiran kritis, mempunyai kemahiran memimpin, berbahasa, beretika serta mempunyai identiti nasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Perubahan ini sejajar dengan kepesatan teknologi dan revolusi industri 4.0 pada abad ke-21.

Pengajaran abad ke-21 merujuk kepada pendidikan yang bertujuan melahirkan generasi yang berilmu serta mampu berfikir untuk menangani gelombang dan perubahan masa kini (Syed Ismail & Subahan Mohd. Meerah, 2017). Justeru, pengajaran abad ke-21 (PAK 21) telah diperkenalkan secara rintis pada tahun 2014 seterusnya diperluaskan pada tahun 2015 (Buletin Anjakan Transformasi Pendidikan Malaysia bil 4/2015). Pengajaran abad ke-21 merupakan proses pengajaran yang melibatkan elemen komunikasi, kemahiran kolaboratif, kritis, kreatif serta aplikasi nilai murni (4K 1N) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Dalam pengajaran abad ke-21, aspek berteraskan komunikasi secara efektif, penyelesaian masalah dan pemikiran kritikal untuk menghasilkan produktiviti yang tinggi dalam era digital merupakan agenda utama yang perlu diterapkan dalam sistem pendidikan (Zamri Mahamod, 2012). Proses komunikasi melibatkan hubungan dua hala antara guru dan murid, di mana murid bukan hanya berinteraksi antara satu sama lain dalam kumpulan masing-masing bahkan sebaliknya murid dapat memberi maklumbalas dan berkongsi pandangan mereka dengan rakan-rakan yang lain.

Elemen kolaboratif pula menekankan kerjasama antara guru dan murid, serta muafakat sesama murid secara aktif bagi membolehkan pertukaran idea. Pemikiran



secara kreatif dan kritis menghasilkan murid yang dapat berfikir secara rasional seterusnya menjana idea untuk menghasilkan inovasi bahan dan aktiviti yang berkualiti. Manakala pemupukan nilai murni dan etika membentuk murid ke arah pembentukan jatidiri nasional sebagai warga Malaysia. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Norhailmi, (2017) menyenaraikan sepuluh ciri-ciri pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 yang perlu difahami dan dilaksanakan oleh guru dan murid. Ciri-ciri tersebut ialah pengajaran berpusatkan murid, pembelajaran kendiri, pengajaran aktif, pengajaran koperatif serta penggunaan teknologi. Ciri yang seterusnya ialah persekitaran yang kondusif, murid perlu mematuhi dan memahami arahan guru, saling hormat menghormati serta bertanggungjawab terhadap pelajaran mereka. Ciri yang terakhir ialah murid boleh melakukan penilaian berdasarkan pencapaian secara berterusan tanpa terikat dengan peperiksaan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengajaran merupakan suatu proses penyampaian ilmu daripada seorang guru kepada murid. Sebagai guru Pendidikan Islam, kita perlu mencontohi Nabi Muhammad s.a.w yang merupakan guru pertama yang teragung dan terunggul. Baginda merupakan sebaik-baik panduan dan rujukan kepada semua pendidik. (Jahidah Saili, 2015). Baginda bukan hanya sekadar mengajar malahan menunjukkan akhlak terbaik dalam menyampaikan ilmu terhadap anak didik. Firman Allah dalam al-Quran surah al-Jumu'ah ayat 2:



هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمَمِ بَشِّارًا مِنْهُمْ يَنْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُرَكِّبُهُمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Dia-lah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, mensucikan mereka dan mengajarkan mereka kitab dan Hikmah (As Sunnah). Sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata,

(Razali Saaran, 2010)

Kemajuan dan kepesatan teknologi masa kini turut merubah perkembangan dunia pendidikan. Generasi pada masa kini lebih tertarik untuk meneroka dan melakukan aktiviti secara *hands-on*. Jurang persepsi dan ilmu antara guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan cabaran kepada guru pada masa kini. Oleh itu, transformasi guru terhadap kaedah pengajaran adalah perlu seiring dengan perubahan iklim dunia yang semakin kompetitif. Pengajaran abad ke-21 telah diperkenalkan bagi menghasilkan kaedah pengajaran yang sesuai dengan keperluan generasi abad 21.

Guru dilihat sebagai nadi utama dalam merealisasikan pengajaran abad ke-21. Kualiti guru merupakan faktor asas dan paling penting dalam menentukan keberhasilan murid kerana kefahaman guru tentang PAK 21 mempengaruhi keseluruhan proses dan amalan dalam bilik darjah. Tugas guru bukan hanya sebagai tenaga pengajar tetapi juga perlu merancang proses pengajaran dan pembelajaran. (Syed Ismail & Subahan Mohd. Meerah, 2017).

Setiap guru khususnya guru Pendidikan Islam (GPI) perlu membimbing murid supaya menjadi individu yang ingin belajar dan mempunyai sikap yang baik (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2002), seterusnya boleh menjadi contoh terbaik dalam membentuk modal insan (Ab. Halim Tamuri, Nur Hanani & Mohd Aderi, 2013).



Kemenjadian murid pada masa akan datang memerlukan suatu corak dan gaya pengurusan guru yang lebih proaktif, dinamik dan sesuai dengan perkembangan semasa. Sesungguhnya abad ke-21 menjanjikan cabaran yang perlu ditangani dengan penuh bijaksana dan hikmah. Justeru, sebagai seorang guru, komitmen serta persediaan yang jitu harus dilakukan supaya isu dan cabaran dalam menghadapi kurikulum yang baharu dapat diatasi bagi melahirkan sumber manusia yang berpendidikan dan berketerampilan sesuai dengan kepentingan pendidikan abad ke-21.

Norhailmi (2017) menyatakan bahawa terdapat enam ciri yang perlu dimiliki oleh seorang guru pada abad ke-21 iaitu menguasai kandungan kurikulum bagi subjek yang diajar, memahami perkembangan murid-murid dan menyayangi mereka, mahir dan berketerampilan dalam pedagogi, memahami psikologi pengajaran, memiliki kemahiran kaunseling serta mahir menggunakan teknologi terkini.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam usaha mengangkat naik standard para murid, guru Pendidikan Islam sebagai agen pelaksana utama memerlukan gambaran yang jelas terhadap perkara yang perlu difahami tentang pendidikan abad 21. Namun, kebanyakan warga pendidik tidak diberi maklumat yang jelas sehingga berlakunya percanggahan isu-isu terhadap kefahaman guru berkaitan pengajaran abad 21 (Norazilawati Abdullah, 2020).



Pemahaman terhadap konsep PdP abad ke-21 masih kurang jelas kerana guru-guru mempunyai persepsi bahawa PdP abad 21 sama sahaja seperti sebelumnya, cuma dijenamakan semula sahaja. (Nurzarina Amran & Roslinda Rosli, 2016). Hakikatnya, hanya sebilangan kecil sahaja guru Pendidikan Islam yang sudah biasa dengan terma pengajaran abad ke-21. (Raja Abdullah & Daud Ismail, 2018)

Nursafra et. al (2016) menyatakan kelemahan GPI terhadap kefahaman ciri-ciri pengajaran abad 21 dikesan apabila sering melaksanakan pengajaran yang bersifat sehala, bergantung pada buku teks, serta sering menggunakan teknik dan kaedah pengajaran yang telah menjadi rutin.

Kajian yang dihasilkan oleh Bahagian Pendidikan Islam (BPI) pada tahun 2004 menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam memperlihatkan tahap kualiti yang tidak memuaskan. Kualiti yang kurang memuaskan ini adalah dari sudut kelemahan penguasaan ilmu, lemah dalam mempelbagaikan kaedah PdP, serta personaliti guru terhadap persekitaran mereka. (Kamarul Azmi, 2010).

Kajian daripada Wan Amirah, Mohd Isa & Maimun, (2016) mendapati guru Pendidikan Islam tidak memiliki domain asas dalam pengajaran iaitu ilmu pengetahuan tentang subjek, pengetahuan menerapkan kemahiran berfikir, sikap yang sesuai serta kesediaan guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dilakukan oleh mereka tentang kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang merupakan salah satu elemen dalam PAK 21 mendapati bahawa pengetahuan guru terhadap KBAT berada pada tahap tinggi namun kemahiran guru dalam menerapkan KBAT berada pada tahap rendah.



Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan untuk mengkaji tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran abad ke-21 dalam bidang sains dan teknikal, tetapi tidak banyak kajian yang mengkhususkan terhadap guru Pendidikan Islam (Maimun, Wan Nurul Syuhada'& Mohd Isa, 2017). Menurut Tarzimah Tambychik & Subahan Mohd Meerah (2010), ramai pengkaji telah melakukan kajian mengenai amalan pedagogi abad ke-21 bagi bidang matematik dan teknikal. Namun, kajian terhadap amalan pedagogi abad ke-21 guru Pendidikan Islam amat kurang (Salehudin & Mohd Ismail, 2012).

Walaupun demikian, dalam kajian Sukreni Ismail dan Mohd Isha Awang (2004) tentang penilaian terhadap pelaksanaan pengajaran kolaboratif dalam Pendidikan Islam mendapati bahawa pelaksanaan kaedah kolaboratif berada pada tahap sederhana. Guru Pendidikan Islam tidak bersedia menggunakan kaedah ini sebaliknya lebih selesa menggunakan kaedah tradisional iaitu *chalk and talk* walaupun mereka telah mendapat pelbagai latihan, bengkel serta kursus tentang kaedah dan teknik PdP yang terkini.

Pernyataan ini disokong oleh laporan UNESCO yang menunjukkan bahawa kebanyakan guru Pendidikan Islam masih tidak bersedia untuk melaksanakan sepenuhnya konsep pengajaran berpusatkan murid dalam objektif kurikulum (Maszuria et.al; (2015). Hal ini seterusnya menjadikan proses pengajaran lebih berpusatkan guru. Situasi ini menyebabkan murid menjadi pasif dan tidak menyumbang kepada saranan Kementerian Pendidikan untuk melahirkan pelajar yang progresif.



Dalam KSSR, sistem penilaian dilakukan dalam bilik darjah merangkumi kerja praktikal, tugas bertulis dan aktiviti berkumpulan. Walaupun Penilaian Bilik Darjah (PBD) ini telah dilaksanakan, namun proses pengajaran dan pembelajaran masih lagi berorientasikan kepada peperiksaan. Tanpa kesediaan ketika PdP berlangsung, pengajaran guru yang bergantung keapada syarahan pasif dalam menyampaikan kandungan mata pelajaran untuk tujuan sumatif tidak dapat menarik minat murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. (Norhailmi,2017)

Menurut kajian yang dibuat oleh Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim (2017), kebanyakan guru Pendidikan Islam cenderung menggunakan kaedah latih tubi soalan peperiksaan yang lepas supaya murid dapat menjawab soalan dalam peperiksaan terutama bagi tahun yang terlibat dengan peperiksaan awam.

Guru Pendidikan Islam masih terikat dengan paradigma mementingkan prestasi dan pencapaian akademik. Tumpuan guru Pendidikan Islam terhadap persoalan nilai dalam proses pengajaran dan pembelajaran diatasi dengan sikap untuk memperoleh kecemerlangan dalam peperiksaan yang menjadi agenda penting. Ini sekaligus menjelaskan cita-cita kearah perkembangan individu seimbang dalam Falsafah Pendidikan Islam. (Kamarul Azmi & Noor Fadhlina, 2012). Justeru itu, murid tidak mempunyai peluang untuk mengembangkan bakat, kebolehan dan potensi kerana mendapat gred yang baik dalam peperiksaan adalah lebih utama. (Zarina, 2016).

Menurut Raja Abdullah & Daud Ismail, 2018, kesediaan guru juga berkait dengan sikap guru terhadap pembaharuan dalam dunia pendidikan. Peranan guru Pendidikan Islam semakin mencabar kerana guru perlu menjadi fasilitator yang efektif kepada murid. (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin, 2017). Namun sebaliknya,

guru seringkali menjadi diktator di dalam kelas lantaran kurang kepelbagaian kaedah pengajaran.

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Mengenalpasti persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kefahaman dalam pelaksanaan pengajaran abad 21.
2. Mengenalpasti persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kesediaan dalam pelaksanaan pengajaran abad 21.
3. Menganalisis hubungan antara persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kefahaman dengan kesediaan dalam pelaksanaan pengajaran abad 21.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kefahaman dalam pelaksanaan pengajaran abad 21.
2. Apakah persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kesediaan dalam pelaksanaan pengajaran abad 21.
3. Adakah terdapat hubungan antara persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kefahaman dengan kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran abad 21.



1.6 Hipotesis Kajian

Selain daripada mengkaji persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kefahaman dan kesediaan dalam pelaksanaan pengajaran abad ke-21 secara deskriptif, kajian ini juga mempunyai persoalan kajian secara inferensi dengan hipotesis berikut:

Hipotesis Nul

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara persepsi guru terhadap kefahaman dengan kesediaan dalam pelaksanaan pengajaran abad 21.

1.7 Kerangka Teori Kajian



Kerangka teori kajian ini menggunakan dua teori iaitu teori tentang kefahaman dan teori kesediaan guru dalam pengajaran. Teori ini adalah berdasarkan kepada teori terhadap persepsi kefahaman dan kesediaan guru oleh Ibnu Khaldun (1993) yang seterusnya digabungkan bagi membentuk kerangka konsep khusus untuk digunakan dalam kajian ini.

Ibnu Khaldun dibesarkan dalam susasana keilmuan yang tinggi. Hidupnya dihabiskan dengan mengembara mencari ilmu dan mengajar. Oleh itu, lapangan teori beliau dalam bidang pendidikan amat luas (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2018). Kitab Muqaddimah merupakan antara karya beliau yang masyhur yang membincangkan tentang peradaban manusia, politik, sosiologi dan kemasyarakatan. Dalam bab enam, kitab Muqaddimah, Ibnu Khaldun menyatakan bahawa akal dan



fikiran membezakan manusia dan haiwan. Manusia secara zatnya adalah jahil tetapi alim daripada segi usahanya melalui kemampuan berfikir.

Oleh itu, beliau membahagikan tahap berfikir kepada empat peringkat. Peringkat pertama ialah pengenalan iaitu tanggapan atau persepsi terhadap sesuatu perkara. Peringkat kedua ialah pengalaman di mana gabungan idea daripada tanggapan yang kebanyakannya diperoleh melalui pengalaman sehingga ia dirasakan bermanfaat. Peringkat yang ketiga pula ialah kemampuan berfikir dengan pengetahuan. Manakala peringkat keempat ialah gabungan tanggapan dan pengalaman yang terbentuk menjadi kesempurnaan (Ahmad Sunawari Long, 2015).

Dengan proses berfikir tersebut, maka akan terhasil percambahan ilmu dalam masyarakat. Seseorang itu akan cuba untuk mendapatkan pelbagai ilmu kemudian berusaha untuk menambah ilmu yang baharu. Hasil daripada proses yang melibatkan pertukaran ilmu serta kesannya terhadap pemikiran dan tingkahlaku individu inilah yang dikenali sebagai pengetahuan. (Mohd Syaubari, Ahmad Amir & Ahmad Yunus, 2017). Dalam kitab Muqaddimah (1993), bab enam Fasal 8, Ibnu Khaldun menyatakan bahawa pembaharuan dalam proses pendidikan harus melibatkan usaha mengumpul maklumat dan pengetahuan untuk dipelajari dan seterusnya difahami. Oleh itu, seorang guru harus memahami sesuatu teori dalam pengajaran kerana mereka merupakan ahli dalam bidang mereka.

Ibnu Khaldun berpendapat bahawa guru merupakan insan yang memainkan peranan yang penting dalam menerapkan apa juu kemahiran dalam diri pelajar. Untuk mencapai matlamat tersebut, Ibnu Khaldun menekankan supaya guru mendidik anak murid dengan segala tunjuk ajar tentang teknik kehidupan.




Dalam penulisannya tentang pekerjaan, Ibnu Khaldun menegaskan bahawa setiap individu perlu membuat persediaan dalam setiap lapangan pekerjaan. (Jaffary, 2015). Beliau menghuraikan mengenai persediaan ini pada bab lima iaitu aspek yang berkaitan dengan ekonomi dalam kitabnya Muqaddimah (1993) mengenai persediaan manusia di alam pekerjaan dan berpendapat bahawa individu perlu bersedia untuk menguruskan pekerjaan mereka termasuklah dalam bidang pendidikan.

Oleh itu, guru yang merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan harus mempersiapkan diri dengan pengetahuan tentang kandungan mata pelajaran dan kemahiran mengajar yang bersesuaian. (Mohd Zahirwan et; al, 2017). Kaedah pengajaran harus berbeza mengikut keperluan masyarakat setempat. Proses ke arah mencapai maksud pendidikan menurut Ibnu Khaldun memerlukan kepada komitmen oleh guru-guru kerana murid-murid ibarat bahan mentah untuk diproses. Mereka dilahirkan suci dan bersih dan hanya menunggu untuk dibentuk oleh guru. Oleh itu, sikap guru amat penting supaya proses pengajaran dapat disempurnakan.

Kesediaan mengajar ialah keyakinan bahawa guru memiliki kemampuan melakukan tindakan yang diharapkan. Sebarang perubahan dan pembaharuan perlu dimulakan dengan perubahan dalam diri individu. (Mohd Nasir, 2015). Terdapat tiga ciri guru yang memiliki profesionalisme yang tinggi iaitu mereka yang memiliki ilmu pengetahuan dalam bidang mereka, mengamalkan kemahiran dan mempunyai sikap serta dedikasi yang tinggi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. (Johari & Aslinda Mohd Aris, 2009).





Rajah 1.1. Kerangka teori Ibnu Khaldun. Adaptasi daripada Kitab Muqaddimah (1993)

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Menurut Sufean Husin (2004), kerangka konsep ialah satu set gambarajah yang menggambarkan keseluruhan proses penyelidikan dengan menghubungkan antara beberapa idea dan komponen bersandarkan teori yang digunakan dalam kajian. **Rajah 1.2** merupakan kerangka konsep kajian berdasarkan teori oleh Ibnu Khaldun.

Kerangka konsep kajian ini adalah bertujuan menjelaskan dengan mendalam mengenai jalan cerita kajian ini bagi membolehkan objektif kajian dicapai dan mampu menjawab persoalan kajian. Elemen yang terkandung dalam kerangka konseptual ini



ialah persepsi guru terhadap kefahaman dalam pelaksanaan pengajaran abad 21. Persepsi tentang kefahaman yang jelas terhadap elemen yang terdapat dalam PAK 21 iaitu konsep pengajaran abad 21, ciri-ciri pengajaran abad 21 serta peranan guru terhadap dalam pengajaran abad 21 mempengaruhi keseluruhan proses PdP guru dalam bilik darjah. Pemahaman terhadap proses pengajaran itu merupakan suatu fakta atau situasi yang dapat mengubah cara berfikir dalam mempersiapkan guru sebagai agen pelaksana dalam pengajaran abad 21.


Seterusnya, kerangka konsep ini membincangkan tentang persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kesediaan dalam pelaksanaan pengajaran abad 21. Kejayaan proses PdP bergantung kepada kesediaan guru merangkumi kesediaan guru menguasai kandungan kurikulum, kemahiran pedagogi abad 21, serta sikap guru menghadapi perubahan. Guru dilihat sebagai keperluan perubahan yang merupakan nadi utama penggerak kepada pelaksanaan pengajaran abad ke-21.

Guru yang dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi perubahan ini, mampu memberi sumbangan kepada kejayaan pelaksanaan pengajaran abad 21 di sekolah. Menurut Habib Mat Som (2005), seorang guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran akan menerima perubahan kurikulum yang berlaku dan sentiasa bersikap positif dalam melaksanakan inovasi dalam proses PdP dengan keyakinan yang tinggi dan kreatif.

Manja (1990), menyimpulkan bahawa pendidikan itu meliputi seluruh penumpuan dan memerlukan kegigihan dalam proses melaksanakannya. Kesimpulannya, pendidikan merupakan proses menerapkan ilmu, kemahiran dan



pengalaman yang memerlukan kefahaman dan kesediaan dari para guru bagi memastikan bakat anak-anak murid dapat dibentuk dengan sempurna.



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian. Adaptasi daripada Kitab Muqaddimah (1993)



1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang merupakan elemen utama dalam kajian. Oleh itu, untuk memberi kefahaman yang jelas terhadap istilah yang digunakan, pengkaji mengenal pasti beberapa istilah yang perlu didefinisikan secara operasi dalam konteks kajian ini.

1.9.1 Persepsi

Persepsi adalah gambaran, bayangan, pandangan atau tanggapan mengenai sesuatu. Persepsi merupakan indikator utama yang menentukan niat guru dalam penyampaian pengajaran mereka. (Husni Abdullah et.al (2018). Dalam konteks kajian ini, persepsi diukur berdasarkan pandangan guru terhadap standard aras berdasarkan skor min bagi kefahaman dan kesediaan guru melaksanakan pengajaran abad 21.

1.9.2 Kefahaman

Tengku Zawawi (2005) menyatakan bahawa kefahaman merupakan keupayaan untuk membuat generalisasi berdasarkan interpretasi atau makna bergantung kepada pengetahuan terdahulu individu. Dalam kajian ini, persepsi kefahaman guru diukur berdasarkan nilai min daripada konteks guru memahami konsep pengajaran abad 21, ciri-ciri pengajaran abad 21 serta peranan guru dalam pengajaran abad 21.





1.9.3 Kesediaan

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2005), kesediaan membawa maksud perihal sedia, kesanggupan dan kerelaan. Menurut Norliza Mat Ali (2016), kesediaan merujuk kepada kesanggupan guru daripada segi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sebagai tugas dan tanggungjawab secara kompeten.

Kesediaan dalam konteks kajian ini bermaksud standard yang ditetapkan berdasarkan nilai min dalam menentukan keupayaan persiapan guru Pendidikan Islam berdasarkan tiga elemen iaitu kesediaan guru Pendidikan Islam menguasai kandungan kurikulum Pendidikan Islam, kemahiran pedagogi abad 21, dan sikap guru Pendidikan Islam terhadap perubahan dalam pengajaran abad 21.



1.9.4 Konsep Pengajaran Abad 21

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, (2014) pengajaran abad ke-21 merupakan proses pengajaran yang mempunyai lima elemen dalam proses PdP iaitu komunikasi, kolaborasi, kritis dan kreatif serta nilai murni (4K 1N) yang bertujuan melahirkan generasi berilmu, mampu berfikir, bertindak dan menghasilkan sesuatu dalam menangani gelombang perubahan masa kini. Oleh itu, konsep PAK 21 dalam kajian ini merujuk kepada kefahaman guru terhadap elemen 4K 1N iaitu komunikasi, kolaboratif, kritis dan kreatif serta aplikasi nilai murni.





1.9.5 Ciri-ciri Pengajaran Abad 21

Pengajaran seorang guru mempunyai ciri-ciri tertentu. Guru adalah pengajar dan murid adalah pembelajar. Dalam konteks kajian ini, ciri-ciri pengajaran adalah pendekatan guru Pendidikan Islam secara praktikal terhadap pengajaran dan pembelajaran secara dua hala iaitu berpusatkan murid, pengajaran aktif, dan pembelajaran kendiri murid.

1.9.6 Peranan Guru

Peranan bermaksud fungsi yang perlu dimainkan oleh seseorang dalam sesuatu tugas (Norazilawati Abdullah, 2020). Dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 standard 4, guru berperanan sebagai fasilitator yang bertindak menjadi pembimbing, perancang, pengawal, dan penilai untuk mendorong murid sebagai pembelajar aktif. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Oleh itu, dalam kajian ini, peranan guru diukur berdasarkan standard ini.

1.9.7 Menguasai Kandungan kurikulum

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016) kurikulum bermaksud skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran. Penggubalan kurikulum merupakan suatu proses yang bersifat futuristik agar murid yang dididik bersesuaian pada zaman dan masa depan mereka. (Norazilawati Abdullah, 2020).





Menguasai kandungan kurikulum dalam konteks kajian ini ialah tahap kesediaan bagi guru Pendidikan Islam meneroka kurikulum baharu bagi memastikan pengajaran sentiasa kekal relevan. Pengajaran guru Pendidikan Islam berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) menjadi penanda aras dalam kajian ini.

1.9.8 Kemahiran Pedagogi Abad 21

Merujuk Kamus Dewan Edisi keempat (2005), pedagogi membawa erti penyelidikan yang dijalankan untuk mengkaji kaedah pengajaran dan teknik yang boleh digunakan dalam proses pengajaran.

Dalam konteks kajian ini, kesediaan terhadap kemahiran pedagogi abad 21 diukur berdasarkan tahap persediaan guru Pendidikan Islam untuk belajar dan menghasilkan teknik pengajaran yang berkesan sesuai dengan generasi murid abad 21.

1.9.9 Sikap Guru Terhadap Perubahan

Sikap terhadap perubahan didefinisikan sebagai sikap terhadap perubahan secara umum mengandungi pengetahuan seseorang tentang perubahan, reaksi afektif untuk mengubah sesuatu keadaan, dan perubahan terhadap kelakuan (Suhaimi Taat, 2011).

Kesediaan sikap guru terhadap perubahan dalam kajian ini adalah ukuran sejauh mana guru Pendidikan Islam bersikap positif, bersedia melaksanakan





pengajaran abad 21 dengan menyesuaikan diri terhadap perubahan dan menerima perubahan dengan hati yang terbuka.

1.10 Batasan Kajian

Kajian yang ingin dijalankan ini mempunyai batasan yang tertentu iaitu:

1. Dalam kajian ini, pengkaji membataskan persepsi kefahaman dan kesediaan guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam di Daerah Kuala Kangsar sahaja. Lokasi ini dipilih berdasarkan lokasi sekolah yang pelbagai di Daerah Kuala Kangsar iaitu sekolah bandar, luar bandar, dan sekolah orang asli yang terdiri dari pedalaman 1(P1), dan pedalaman 2(P2). Hasil kajian mungkin berbeza sekiranya kajian dijalankan ke atas guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam di daerah yang berlainan.
2. Kajian ini melibatkan guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam di sekolah rendah. Pengkaji memilih sekolah rendah kerana PAK 21 diperkenalkan secara rintis terlebih dahulu pada tahun 2014 di sekolah rendah sedangkan pelaksanaan PAK 21 di sekolah menengah masih baharu memandangkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bermula pada tahun 2017. Oleh itu, hasil kajian ini hanya mengambarkan sampel yang dikaji sahaja iaitu 140 orang GPI sekolah rendah di Daerah Kuala Kangsar berdasarkan persampelan Krejcie & Morgan. Kajian ini tidak mewakili keseluruhan 220 orang GPI sekolah rendah di Kuala Kangsar yang melaksanakan pengajaran abad ke-21.





3. Persepsi kefahaman dalam kajian ini adalah daripada aspek kefahaman guru terhadap konsep pengajaran abad 21, ciri-ciri pengajaran abad 21 dan kefahaman terhadap peranan guru dalam pengajaran abad 21. Oleh itu, dapatan kajian adalah terbatas kepada kefahaman terhadap tiga aspek ini.

4. Pengkaji menilai persepsi kesediaan guru dalam tiga aspek sahaja iaitu kesediaan guru menguasai kandungan Pendidikan Islam, kesediaan kemahiran pedagogi abad 21 serta persepsi terhadap kesediaan sikap guru dalam menerima perubahan. Oleh itu, dapatan kajian adalah terbatas kepada tiga aspek kesediaan ini.

1.11 Kepentingan Kajian



Kajian ini diharapkan dapat menjadi pencetus idea dan perangsang kepada pelbagai pihak dalam meningkatkan mutu proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Pihak-pihak yang dimaksudkan ialah:

1.11.1 Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia

Selaras dengan salah satu daripada fungsi BPK iaitu untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan kurikulum, maka kajian ini boleh menyumbang idea ke arah memenuhi fungsi tersebut. Pihak BPK boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai sandaran kepada usaha memperluaskan bahan-bahan berkaitan



aktiviti-aktiviti pengajaran yang boleh dirujuk oleh guru-guru Pendidikan Islam di sekolah.

1.11.2 Guru-guru Pendidikan Islam di sekolah

Selaku agen pelaksana terhadap setiap perubahan kurikulum yang berlaku di sekolah, maka guru-guru boleh memanfaatkan kajian ini bagi melengkapkan diri dengan minda dan ciri-ciri pendidik abad 21.

1.11.3 Murid sekolah rendah yang beragama Islam

Selaku pihak yang terlibat secara langsung dalam pembelajaran matapelajaran Pendidikan Islam, murid boleh menjadikan hasil kajian ini sebagai rujukan dalam mempertingkatkan kemahiran belajar masing-masing.

1.11.4 Ibu bapa, guru-guru dan pemimpin masyarakat

Para ibu bapa, guru-guru dan pemimpin masyarakat boleh menjadikan hasil kajian ini sebagai pencetus kesedaran dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Ibu bapa boleh menjadikan kajian ini sebagai sokongan kepada guru dalam melaksanakan pengajaran abad 21. Selain itu, pemimpin masyarakat boleh menjadikannya panduan dalam merangka aktiviti-aktiviti keilmuan dalam kalangan masyarakat setempat.



1.12 Kesimpulan

Guru merupakan tonggak kepada sistem pendidikan. Guru juga merupakan agen pelaksana bagi setiap perubahan kurikulum dan matlamat dasar dalam pendidikan. Seseorang guru memerlukan perancangan yang lengkap dan sistematik untuk mencapai kompetensi dalam pengajaran.

Menjadi guru bukan sekadar untuk memenuhi ruang dan jawatan, tetapi profesi perguruanlah yang menentukan jenis insan yang bakal dihasilkan. Sememangnya tugas guru amat berat namun begitu mulia dan bermakna. Komitmen yang tinggi diperlukan dalam melahirkan generasi yang hebat dalam pelbagai bidang. (Ahmad b Mohd Salleh, 2003). Sebagai guru yang terlibat secara langsung dalam dunia pendidikan perlu menyedari betapa penting untuk mengikuti perubahan atau transformasi pendidikan. Inilah kualiti yang bakal menentukan arah dan tujuan dalam bidang pendidikan.

